

MAHATHIR-KESAL R'R'R'

1983

KUALA TERENGGANU, 10 JUN (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMED KESAL DENGAN PEMIMPIN-PEMIMPIN SEBUAH PARTI POLITIK YANG BERSIKAP TAMAK DAN MENIMBULKAN PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU.

KATANYA, MEREKA SEKARANG MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA NEGERI TERENGGANU SEMATA-MATA KERANA TAMAK DAN INGIN MEREBut KEKAYAAN SUMBER MINYAKNYA. -

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI TERSEBUT BERCITA-CITA UNTUK MENGGUNAKAN SUMBER KEKAYAAN NEGERI TERENGGANU UNTUK KEPENTINGAN PARTI DAN DIRI MEREKA SENDIRI.

SEBALIKNYA, UMNO MENGGUNAKAN SUMBER KEKAYAAN TERSEBUT UNTUK KEPENTINGAN RAKYAT, KATANYA KETIKA MERASMIKAN SIDANG PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUALA TERENGGANU DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN DI SINI HARI INI.

-- LAGI 1153/LK

NNNN

ZCZC 0534:

MAHATHIR-KESAL 2 KUALA TERENGGANU

PERDANA MENTERI BERKATA PARTI BERKENAAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA TERENGGANU SEKARANG SEMATA-MATA KERANA TAMAK DAN BUKAN UNTUK TUJUAN LAIN.

KATANYA, SEWAKTU TERENGGANU MUNDUR DAN TIDAK MEMPU NYAI SUMBER KEKAYAAN, ADA ANTARA ANGGOTA PARTI TERSEBUT YANG MELOMPAT MASUK UMNO TETAPI SEKARANG MEREKA CUBA UNTUK MERAMPAS KUASA DI TERENGGANU.

SEWAKTU PARTI ITU BERKUASA DI KELANTAN KATANYA MEREKA TELAH MENJUAL SEBAHAGIAN DARIPADA NEGERI KELANTAN KEPADA ORANG LAIN DAN PERBUATAN YANG SAMA MUNGKIN DILAKUKAN DI TERENGGANU SEKIRANYA MEREKA BERKUASA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA BERHATI-HATI KERANA NEGERI TERENGGANU KINI MENJADI BARISAN HADAPAN MEMANDANGKAN PARTI BERKENAAN MEMILIH TERENGGANU UNTUK BERKUASA.

BELIAU MENYERU SETIAP ANGGOTA UMNO SUPAYA BERSATU DAN MENGIKIS PERSELISEHAN FAHAM, JIKA ADA, BAGI MENGHADAPI ANCAMAN TERSEBUT.

-- LAGI 1200/LK

MAHATHIR-KESAL 3 KUALA TERENGGANU

KATANYA, PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU ADALAH PENTING KERANA JIKA UMNO LEMAH, BARISAN NASIONAL DAN KERAJAAN AKAN TURUT LEMAH DAN RAKYAT YANG AKAN RUGI KERANA KERAJAAN YANG TIDAK STABIL TIDAK DAPAT MELAKSANAKAN APA PUN UNTUK RAKYAT.

PERDANA MENTERI BERKATA PARA PEMIMPIN PARTI BERKENAAN AKAN MENENTANG APA SAHAJA USAHA KERAJAAN KERANA PADA MEREKA YANG PENTING BUKANNYA KEBAJIKAN RAKYAT TETAPI PERJUANGAN MEREKA.

MEREKA SANGGUP MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN RAKYAT SEMATA-MATA UNTUK KEPENTINGAN DIRI DAN PARTI MEREKA, KATANYA.

MEREKA MENGAKU KONONNYA PERJUANGAN MEREKA IALAH ATAS NAMA ISLAM DAN MEREKA MENGGUNAKAN AYAT-AYAT QURAN DAN HADIS SEMATA-MATA UNTUK MENGHASUT RAKYAT.

+YANG PENTING BAGI MEREKA IALAH MENDAPAT TEMPAT YANG SELESA UNTUK DIRI MEREKA SENDIRI WALAUPUN PERBUATAN MEREKA ITU TELAH MEMECAH BELAHKAN PERPADUAN UMAT ISLAM,+ TAMBAH PERDANA MENTERI.

-- LAGI 1206/LK

NNNN

ZCZC B536:

MAHATHIR-KESAL 4 KUALA TERENGGANU

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PEMIMPIN SEUMPAMA ITU CUMA MUNCUL SETELAH PERJUANGAN MENJADI MUDAH.

KATANYA, MEREKA MENGGUNAKAN KEBEBASAN BERDEMOKRASI YANG DIAMALKAN OLEH KERAJAAN UNTUK BERJUANG DAN SEMAKIN LAMA TINDAKAN MEREKA SEMAKIN BURUK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERJUANGAN GOLONGAN TERSEBUT TIDAK WUJUD SEMASA PEMERINTAHAN BRITISH ATAU JEPUN WALAUPUN KEDUDUKAN ORANG MELAYU DAN UMAT ISLAM PADA MASA ITU BENAR-BENAR LEMAH.

TETAPI SEKARANG MEREKA MUNCUL KONON INGIN MEMPERTAHANKAN ISLAM DAN MEREKA INGIN MEREbut KUASA DARIPADA KERAJAAN YANG DIPIMPIN OLEH ORANG ISLAM SENDIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA OLEH KERANA ADANYA GOLONGAN TERSEBUT, KERAJAAN TERPAKSA MENUMPU PERHATIAN UNTUK MELAWAN ANCAMAN YANG DITIMBULKAN SEPERTI PERPECAHAN DALAM MASYARAKAT.

-- LAGI 1209/LK

MAHATHIR-KESAL 5 KUALA TERENGGANU

PERHATIAN KERAJAAN YANG TERPAKSA DITUMPUKAN BAGI MENGHADAPI PERJUANGAN GOLONGAN TERSEBUT SEDIKIT SEBANYAK MENJEJASKAN USAHA UNTUK MENINGGIKAN TARAF HIDUP, EKONOMI DAN KEDUDUKAN ORANG MELAYU.

PERPECAHAN YANG DIBANGKITKAN OLEH GOLONGAN ITU HANYA MERUGIKAN ORANG MELAYU YANG MASIH KETINGGALAN DALAM SERDA SERBI JIKA DIBANDINGKAN DENGAN MASYARAKAT LAIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA TINDAKAN DAN PERJUANGAN GOLONGAN TERSEBUT TELAH MELEMAHKAN ORANG ISLAM SENDIRI KERANA MASALAH PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU SUNGGUH MERUGIKAN.

"APA YANG BERLAKU DI KALANGAN UMAT ISLAM DI NEGARA INI DILIHAT OLEH UMAT ISLAM DI NEGARA LAIN SEPERTI KITA SENDIRI MELIHAT APA YANG SEDANG BERLAKU DI NEGARA ISLAM LAIN.

"UMPAMANYA, KITA SEDIH MELIHAT PERPECAHAN YANG SEDANG BERLAKU DI NEGARA ISLAM LAIN DAN JUGA DALAM PERTUBUHAN PEMEBEBASAN PALESTIN (PLO) KERANA YANG RUGI IALAH MEREKA SENDIRI DAN YANG MENANG IALAH MUSUH". KATANYA.

-- LAGI 1225/LK

ZCZC B541:

MAHATHIR-KESAL 6 KUALA TERENGGANU

KATANYA "KITA INGIN MELIHAT ORANG PALESTIN BEBASKAN DIRI MEREKA DARIPADA PENINDASAN ISRAEL DAN RAKYAT PALESTIN KEMBALI BERKUASA SEMULA DI TANAH AIR MEREKA."

TETAPI, APA YANG KITA DENGAR SEKARANG TIMBUL PULA PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG PALESTIN DAN ADA PIHAK YANG CUBA MENCABAR KEPIMPINAN PLO.

MEREKA SANGGUP BERPERANG SEMATA-MATA UNTUK MEREbut KUASA DALAM PLO SEDANGKAN YANG MENANG IALAH ISRAEL.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG SEDANG BERLAKU DI NEGARA ISLAM LAIN DAN DALAM PLO JUGA SEDANG BERLAKU DI NEGARA INI SENDIRI DENGAN PERJUANGAN SEMPIT GOLONGAN YANG MENGAKU BERJUANG ATAS NAMA ISLAM.

"ADA KUMPULAN ISLAM LAIN YANG CUBA MEREbut KUASA DARI GOLONGAN ISLAM YANG SUDAH PUN MENDAPAT KUASA DI NEGARA INI," KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA UMAT ISLAM SEHARUSNYA BERSATU PADU KERANA TANPA PERPADUAN MEREKA AKAN TERUS LEMAH DAN MUDAH BAGI MUSUH UNTUK MENGUASAI MEREKA.

-- BERNAMA 1230/LK